

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Mohd Faidzal Ismail

Wealth Planner
Prudential Assurance Malaysia Berhad
Prudential BSN Takaful Berhad

HP : 019-2690029 / 019-2881161
Email : faidzal@gmail.com

Takafulink

Takafulink merupakan pelan Takaful berkaitan Pelaburan (*Investment-linked Takaful*) yang menawarkan perlindungan komprehensif di samping membenarkan peserta membuat simpanan. Ia direka khas bagi memenuhi keperluan individu di setiap peringkat umur samada daripada bayi yang baru lahir hinggalah kepada warga emas.

Berikut adalah ilustrasi ringkas bagi menerangkan tentang plan ini





Pelan Takafulink menyediakan banyak manfaat dalam 1 akaun

Berikut adalah senarai manfaat yang terdapat di dalam Pelan Takafulink berserta dengan penerangan ringkas.

1- Kematian

- Sekiranya berlaku kematian, pampasan akan diberikan sekali gus bersama jumlah simpanan yang ada pada tahun itu.
- Bayaran khairat kematian sebanyak RM 2,000.
- Sebab kematian terdiri kematian biasa atau kemalangan.

2- Lumpuh Kekal Keseluruhan

- Sekiranya pemegang polisi lumpuh kekal keseluruhan disebabkan oleh penyakit dan berlaku sebelum umur 60 tahun, pampasan akan diberikan sekali gus.
- Manfaat-manfaat lain akan kekal seperti biasa.
- Pemegang polisi akan mendapat elaun tahunan (rujuk Elaun Lumpuh)

3- Crisis Shield (Pampasan 36 Jenis Penyakit Kritikal)

- Sekiranya pemegang polisi mengidap salah satu dari **36 jenis penyakit**, pemegang polisi akan diberikan pampasan sekali gus.
- Kos rawatan akan ditanggung oleh kad perubatan (rujuk manfaat medical card)

- Selepas didapati mengidap salah satu daripada penyakit kritikal ini, semua caruman akan datang akan ditanggung oleh PruBSN sehingga umur pemegang polisi mencapai 80 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih terdahulu.
- Wang pelaburan anda akan bertambah secara automatik tanpa anda perlu mencarum lagi
- Wang pelaburan itu juga boleh dikeluarkan dan nilai pampasan tersebut di atas tidak ditolak daripada wang pelaburan.
- Anda tidak perlu membayar apa-apa caruman dan layak untuk menikmati semua manfaat yang masih ada.

4- Crisis Cover Income (Elaun Pendapatan tahunan apabila mengidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal)

- Manfaat ini akan membayar pampasan bagi menggantikan pendapatan kita sekiranya peserta mengidap salah satu daripada **36 jenis penyakit kritikal**.
- Jumlah pampasan akan dibayar setahun sekali sehingga umur 80 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih dahulu.

5- Kemalangan (Kematian atau Lumpuh Kekal Keseluruhan)

- Manfaat ini akan membayar pampasan kematian atau lumpuh kekal keseluruhan akibat kemalangan. Bayaran ini adalah tambahan kepada bayaran (Kematian/Lumpuh Kekal Keseluruhan *Manfaat No 1 dan No 2).
- Sekiranya pemegang polisi meninggal dunia disebabkan kemalangan di tempat awam, atau semasa menaik kenderaan awam yang bergerak di atas jalan raya atau landasan (**PLV-Public Landed Vehicle**) yang mempunyai jadual perjalanan dan laluan yang tetap, pampasan akan digandakan sebanyak 2 kali (**Double Indemnity**)
- Sekiranya pemegang policy mengalami kecacatan kekal atau kehilangan anggota, pampasan akan diberikan mengikut peratusan (%)
- Jumlah manfaat adalah jenis diperbaharui (**renewal benefit**) – Contoh, katakan anda sudah membuat tuntutan **ADD benefit** pada tahun semasa 100%, untuk polisi tahun berikutnya, jumlah manfaat akan jadi 100% semula. Sekiranya pada tahun yang semasa anda telah membuat tuntutan 100% untuk manfaat kemalangan, dan malang tak berbau, anda sekali lagi ditimpa kemalangan pada tahun yang sama, tiada pampasan untuk manfaat No.4 boleh dituntut untuk tahun itu.

6- Accident Medical Reimbursement (Bayaran Balik Kos Perubatan akibat kemalangan)

- Membayar balik semua kos perubatan akibat kemalangan berdasarkan jumlah yang dilindungi dalam masa 104 minggu dari tempoh kemalangan berlaku.
- Manfaat ini juga boleh digunakan untuk menampung kos ko-takaful yang dikenakan pada manfaat Medical Card untuk rawatan akibat kemalangan.

7- Weekly Indemnity (Pampasan Mingguan)

- Manfaat ini akan membayar pampasan mingguan disebabkan keilatan sementara (**Temporary Disable**) akibat kemalangan atau dengan kata lain 'Elaun Cuti Sakit akibat kemalangan'.
- Manfaat ini diwakili dengan nilai unit. Terdapat 2 bahagian Keilatan Sementara (Temporary Total Disable @ TTD dan Temporary Partial Disable @ TPD)
- 1 Unit manfaat akan membayar RM 100 seminggu bagi TTD dan RM 50 bagi TPD. Penetapan sama ada TTD atau TPD akan ditentukan melalui laporan doktor berkenaan dengan Proses Penyembuhan (Healing Progress).

8- Kad Perubatan (Medical Card)

- Menyediakan dana untuk rawatan perubatan Bayaran terus ke **Hospital Panel** PruBSN Takaful seluruh Malaysia.
- Boleh digunakan di dalam dan luar negara.
- Manfaat yang ditawarkan adalah seperti berikut (*medical coverage table*)
- Jaminan pembaharuan dan dijamin dan tiada port-folio akan dibatalkan.

9- Medical Cover

- Manfaat ini mempunyai 3 gabungan manfaat iaitu Elaun Hospital (Hospital Benefit), Elaun ICU dan Elaun Bedah.
- Elaun Hospital (rujuk Manfaat no-10)
- Elaun ICU - Membayar elaun harian selama berada dalam wad ICU
- Elaun Bedah (Surgical Procedure Benefit) - Membayar pampasan pembedahan bergantung kepada kadar keseriusan (Severity Level)
- Manfaat ini dibayar berdasarkan unit yang diambil.
- 1 Unit mewakili : RM 50 sehari (Elaun Hospital), RM 100 sehari (Elaun ICU) & RM 2,500 setiap procedure (Elaun Bedah)
- Elaun Bedah akan diberikan bergantung kepada kadar keseriusan (severity level) seperti berikut :

Level 1 : RM 125

Level 2 : RM 250

Level 3 : RM 500

Level 4 : RM 750

Level 5 : RM 1,250

Level 6 : RM 1,875

Level 7 : RM 2,500

- Elaun Bedah-Maksima RM12,500 setahun

10- Elaun Hospital (*Hospital Benefit*)

- Manfaat ini akan diberikan mengikut jumlah hari peserta tinggal di dalam wad.
- Hospital Benefit diwakilkan dengan Unit. 1 Unit bersamaan RM 50 sehari. Contoh, 8 unit = $8 \times RM50 = 400$ sehari.
- Maksimum unit adalah 8 untuk satu polisi.
- Sekiranya anda memasukkan Manfaat Medical Cover dalam polisi anda, i.e Manfaat No 9, **jumlah maksimum unit untuk Hospital Benefit & Medical Cover adalah 8 unit.** Sebagai contoh, Manfaat Hospital 5 Unit, Manfaat Medical Cover 3 Unit i.e jumlah kedua-dua unit manfaat tersebut tidak melebihi 8 unit.
- Tidak tertakluk kepada hospital swasta sahaja, sekiranya anda masuk hospital kerajaan sekali pun, Elaun Hospital akan dibayar. Sekiranya bil hospital swasta telah ditanggung oleh syarikat anda, Elaun Hospital ini juga boleh kita tuntutan (claim) tanpa memerlukan resit. Elaun hospital akan diberikan kepada peserta selepas keluar dari hospital. Biasanya dalam masa 14 hari bekerja.
- Jumlah yang dibayar tidak akan ditolak daripada mana-mana manfaat lain. Maksimum claim setahun adalah 100 hari dan minimum perlu berada di dalam wad adalah 6 jam.
- Hospital - swasta atau kerajaan

11- Elaun Lumpuh (Disability Provider)

- Pampasan ini akan diberikan kepada klien apabila klien didapati Lumpuh Kekal Keseluruhan (Total Permanent Disable) sama ada akibat penyakit atau kemalangan.
- Pampasan akan diberikan setahun sekali sehingga umur 60 tahun.

12- Khairat Kematian

- Bayaran RM 2,000 untuk khairat kematian bagi tujuan menanggung kos pengebumian jenazah. Pampasan ini boleh dituntut sebaik sahaja klien meninggal dengan mengemukakan bukti kematian seperti permit pengebumian, surat kematian atau keratan akhbar mengenai berita kematian tersebut.

13- Premium Percuma (Contributor Benefit)

- Manfaat ini akan menyambung simpanan klien secara automatik sekiranya peserta disahkan mengidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal. Sila rujuk senarai penyakit kritikal.
- Manfaat lain yang berkaitan adalah : Parent Contributor, Spouse Contributor, Takaful Saver Contributor, Takaful Saver Parent Contributor

14- Parent Contributor (Takaful Cerdik)

- Sekiranya ibubapa peserta meninggal dunia atau mengalami Lumpuh Kekal Keseluruhan sebelum mencapai usia 60 tahun atau disahkan mengidap penyakit kritikal, manfaat ini akan membantu peserta membayar sumbangan kepada pelan Takaful pada hadapan (FOC). Bayaran manfaat tahunan akan dihentikan apabila peserta meninggal dunia atau mencapai usia 25 tahun.

15- Takaful Saver Contributor

- Membayar sumbangan tetap Takaful Saver sekiranya peserta menghidap penyakit kritikal.

16- Pulangan Pelaburan

- Tiada tempoh matang untuk mengeluarkan wang anda. Wang pelaburan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dan untuk tujuan apa sekali pun dengan syarat meninggalkan baki nilai tunai sebanyak RM4,000.
- Anggaran pulangan pelaburan 9% hingga 11% setahun (bergantung kepada prestasi pasaran dan dana yang anda pilih).
- Sekiranya anda ingin mendapatkan pulangan yang lebih tinggi, anda boleh menambah caruman tambahan dalam Takaful Saver.

17- Takaful Saver

- Takaful Saver membolehkan peserta menambah sumbangan tetap bagi tujuan pelaburan, yang mana sumbangan akan digunakan untuk membeli unit-unit di dalam Akaun unit pelaburan (IUA).

18- Pelepasan Cukai

- Melayakkan anda menerima pelepasan cukai insurans hayat bersama EPF sehingga RM6,000.
- Bagi Takaful Cerdik, ianya melayakkan anda menerima pelepasan cukai pendidikan sehingga RM3,000.

Takaful Cerdik (Education Plan)



Takafulink Cerdik adalah pelan Takaful yang reka khusus bagi menyediakan perlindungan dan dalam masa yang sama memberikan simpanan jangka panjang bari tujuan pendidikan anak apabila dewasa kelak. Pelan ini adalah berasaskan **pelan Takafulink** dengan tempoh matang yang lebih pendek iaitu sehingga umur anak 25 tahun. kenapa perlu menyimpan di akaun seperti ini?. Terdapat beberapa perbezaan antara menyimpan di Takaful dan menyimpan di Bank.

Takaful Puteri



Takaful Puteri

Takaful puteri merupakan manfaat perlindungan tambahan **khusus untuk wanita** yang di tawarkan di dalam pelan Takaful keluarga komprehensif - Takafulink. Ia menyediakan manfaat perlindungan yang unik kepada wanita di dalam pelbagai peringkat kehidupan. Biasanya manfaat-manfaat yang di sediakan ini tidak terdapat di dalam pelan perlindungan sedia ada.

Manfaat Takaful Puteri perlu di ambil bersama-sama pelan Takafulink. Terdapat 2 pilihan iaitu **Takaful Puteri** dan **Takaful Puteri Plus**

Takaful Puteri dan Takaful Puteri Plus

Takaful Puteri	Takaful Puteri PLUS
<ul style="list-style-type: none"> • Untuk wanita berumur 19 hingga 60 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk wanita berumur antara 19 hingga 40 tahun
<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk wanita di semua peringkat umur kerana ia menyediakan perlindungan bagi penyakit-penyakit berkaitan wanita. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk semua wanita dan yang bakal menjadi ibu. Ini kerana ia di reka khas bagi memberi perlindungan bukan sahaja untuk penyakit-penyakit wanita tetapi juga termasuk komplikasi kebka mengandung dan penyakit konginetal terhadap bayi.
<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh matang boleh di pilih samada pada umur 60, 70 atau 80 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh matang sehingga umur 60,70 atau 80 tahun • Walau bagaimanapun, manfaat penjagaan ibu hanya sehingga umur 50 tahun sahaja

Terdapat 3 pilihan bagi amaun perlindungan yang berbeza iaitu RM50,000 , RM100,000 dan RM150,000.

A) Takaful Puteri

Antara manfaat-manfaat yang di tawarkan oleh Takaful Puteri adalah seperti berikut :

1. Kanser Wanita

- Kanser Payudara
- Kanser Serviks Uteri
- Kanser Tiub Fallopio
- Kanser Ovari
- Kanser Uterus
- Kanser Vagina / Vulva

2. Systemic Lupus Erythematosus with Lupus Nephritis (SLE)

Sila rujuk halaman ini untuk mengetahui apakah itu SLE - <http://www.lupusmalaysia.org>

3. Karsinoma-in-situ payudara atau serviks uteri

Sila rujuk halaman berikut bagi mengetahui tentang carsinoma-in-situ - <http://www.breastcancer.org>

4. Pembedahan pembaikan (reconstructive) payudara

5. Rheumatoid arthritis dan komplikasinya

Sila rujuk halaman berikut bagi mengetahui tentang Rheumatoid arthritis - http://en.wikipedia.org/wiki/Rheumatoid_arthritis

6. Pembedahan pembaikan muka akibat kemalangan

7. Tampalan kulit akibat terbakar atau kanser kulit

B) Takaful Puteri Plus

Takaful Puteri Plus menyediakan manfaat penjagaan bagi wanita-wanita yang telah menjadi seorang Ibu. Manfaat-manfaat ini termasuklah :

1. Komplikasi Semasa Mengandung

- Kandungan Luar Rahim
- Keguguran (semasa kandungan berumur 126-196 hari)
- Kematian Bayi Dalam Kandungan (Selepas kandungan berusia 196 hari)
- Kematian Bayi (Selepas 30 hari dari kelahiran)

2. Penyakit Konginetal Terhadap Bayi

- Down Syndrome
- Ventricular Septal Defect - Sila Rujuk [VSD](#)
- Atrial Septal Defect - Sila rujuk [ASD](#)
- Spina Bifida - Sila rujuk [Spina Bifida](#)
- Sumbing - Sila Rujuk [Clef Lip and Palate](#)

Kad Perubatan Takaful



PruBSN merupakan **Operator Takaful Pertama** di Malaysia yang menawarkan Kad Perubatan berlandaskan syariah kepada para peserta takaful. Kad perubatan ini di reka khusus bagi membantu peserta menyelesaikan bil-bil hospital yang tinggi terutamanya di hospital Pakar swasta. Lebih menarik lagi, Kad perubatan ini adalah merupakan satu manfaat tambahan yang boleh di masukkan di dalam akaun **Takafulink**.

Secara asasnya, Kad Perubatan ini menyediakan manfaat seperti berikut :

1. Menyediakan dana bagi membiayai kos rawatan hospital antara **RM150,000 sehingga RM450,000** seumur hidup.
2. Perkhidmatan bayaran bil secara *Online* di lebih daripada **60 Hospital Pakar** yang menjadi panel. Peserta **tidak perlu membayar bil** dan membuat tuntutan kerana bayaran akan di buat terus kepada hospital.
3. Tiada tarikh luput dan boleh di gunakan sehingga umur peserta **70 tahun**.
4. Kebebasan memilih hospital dan doktor pakar.
5. Khidmat bantuan perubatan antarabangsa **24 Jam**.
6. Rawatan 30 hari sebelum dan 90 hari selepas keluar wad.
7. Rawatan pesakit luar bagi kecederaan akibat kemalangan.
8. Membiyai kos pembedahan balik hari (*Day Surgery*).
9. Rawatan Dialisis Buah Pinggang.
10. Rawatan Kanser.
11. **Jaminan tiada pembatalan portfolio (Non-Cancellable)**

Kad Perubatan ini mempunyai 4 pilihan pakej seperti berikut :

	MMC 100 (RM)	MMC 200 (RM)	MMC 300 (RM)	MMC 400 (RM)
Manfaat Hospital & Pembedahan				
• Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian	100	200	300	400
• Unit Rawatan Rapi • Pembedahan • Perkhidmatan Di Dalam Hospital & Yang Berkaitan	Seperti yang dikenakan			
Manfaat Rawatan Pesakit Luar				
• Rawatan Sebelum Dimasukkan ke Hospital • Rawatan Selepas Dikeluarkan dari Hospital • Penjagaan Jururawat Di Rumah • Pembedahan Balik Hari • Rawatan Penyakit Barah • Dialisis Buah Pinggang	Seperti yang dikenakan			
Rawatan Kecemasan Untuk Kecederaan Akibat Kemalangan (Had Tahunan)	1,000	2,000	3,000	4,000
Had Tahunan	50,000	75,000	100,000	150,000
Had Seumur Hidup	150,000	225,000	300,000	450,000
Bantuan Perubatan Kecemasan	Ya	Ya	Ya	Ya

Ko-Takaful

Kad perubatan ini mensyaratkan peserta membayar ko-takaful (amaun yang tidak boleh di tuntutan) sebanyak 10% daripada bil tertakluk kepada Minima RM300 dan Maksima RM1,000. Bagi manfaat bilik dan penginapan, tiada ko-takaful di kenakan.

Contoh pengiraan Ko-Takaful adalah seperti berikut :

1- Kes 1 :

- Jumlah Bil : RM2,000
- 10% daripada bil = RM200
- Oleh kerana minimum ko-takaful adalah RM300, maka peserta perlu membayar RM300 dan PruBSN membiayai selebihnya iaitu RM1,700.

2- Kes 2 :

- Jumlah Bil = RM8,000
- 10% daripada bil = RM800
- Ko-takaful yang perlu di bayar oleh peserta = RM800
- Amaun yang di bayar oleh PruBSN = RM7,200

3- Kes 3 :

- Jumlah Bil = RM30,000
- 10% daripada bill = RM3,000
- Ko-takaful yang perlu di bayar oleh peserta = **RM1,000**
- Amaun yang di bayar oleh PruBSN = **RM29,000**

Hospital Panel

Senarai Hospital Panel (Hospital Pakar) Prudential BSN Takaful

Kuala Lumpur / Selangor

Pantai Cheras Medical Centre

1 Jalan, 1/96A, Taman Cheras Makmur , 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-9132 2022
Fax : 03-9132 0732

Sentosa Medical Centre

36, Jalan Chemur, Kompleks Damai, 50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-4043 7166
Fax : 03-4043 7661

Pantai Indah Medical Centre

Jalan Perubatan 1 , Pandan Indah , 55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-4289 2828
Fax : 03-4289 2829

Tung Shin Hospital

102, Jalan Pudu , 55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2072 1655
Fax : 03- 2070 0345

Hospital Pusrawi Sdn Bhd

Lot 149, Jalan Tun razak, 50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-2687 5000
Fax : 03- 2687 5016

Assunta Hospital

Jalan Templer, 46900 Petaling Jaya , Selangor
Tel : 03-7680 7000/03 -7781 6902
Fax : 03-7781 4933

Gleneagles Hospital Kuala Lumpur

282 & 286 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel : 03-4255 2707
Fax : 03-4255 2711

Subang Jaya Medical Centre

1, Jalan SS12/1A, 47500 Subang Jaya, Selangor
Tel : 03-56341212
Fax : 03-5630 6075

Sri Kota Medical Centre

Jalan Mohet , 41000 Klang , Selangor
Tel : 03-33733636
Fax : 03-3376 3888

KPJ Kajang Specialist Hospital

(formerly known as SentosaMedical Centre Kajang)
Batu 14, Jalan Cheras , 43000 Kajang , Selangor
Tel : 03-8769 2999

Fax : 03-8769 2808

Sunway Medical Center

No5, Jln Lagoon Selatan, Bandar Sunway,
46150, Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-7491 9191

Fax : 03-7491 0242

Ampang Puteri Specialist Hospital

No.1, Jalan Mamanda 9, Taman Dato'Ahmad Razali,
68000, Ampang, Selangor

Tel : 03-4270 2500

Fax :03-4270 2443

Tawakal Hospital

202-A Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur

Tel : 03-4023 3599

Fax : 03-4022 8063

Damansara Specialist Hospital

No. 119 Jalan SS 20/10, 47400 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03-7722 2692

Fax : 03-4270 2443

Pantai Medical Centre 8, Jalan Bukit Pantai,

59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-2296 0888

Fax : 03-22960832

Johor

Medical Specialist Hospital

Wisma Maria, Jalan Ngee Heng , 80100 Johor Bharu , Johor

Tel : 07-224 3888

Fax : 07-223 6785

Pusat Pakar Kluang Utama

No. 1, Susur 1, Jalan Beasr, 86000 Kluang, Johor

Tel : 07-771 8999

Fax : 07-772 8999

Putra Specialist Hospital (Batu Pahat)

(formerly known as The SouthernHospital, Batu Pahat)

No 1, Jln Peserai, 83000, Batu Pahat, Johor

Tel : 07-413 3333

Fax : 07-413 3346

Johor Specialist Hospital

39-B Jalan Abdul Samad, 80100, Johor Bahru, Johor

Tel : 07-2253000

Fax : 07-2248213

Puteri Specialist Center 33,

Jalan Tun Razak (Susur 5), 80000, Johor Bahru, Johor

Tel : 07-2233377

Fax : 07-2238833

Hospital Pantai Batu Pahat

9S, Jalan Bintang Satu, Taman Koperasi Bahagia, 83000 Batu Pahat, Johor
Tel : 07-433 8811
Fax : 07-433 1

Melaka

Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd

(formerly known as TheSouthern Hospital, Melaka)
169, Jalan Bendahara , 75100 Melaka
Tel : 06-283 5888
Fax : 06-281 0518

Hospital Pantai Ayer Keroh 2418-1,

KM 8, Lebuah Ayer Keroh , 75450 Melaka
Tel : 06-231 9999
Fax : 06-231 3299

Mahkota Medical Centre

3, Mahkota Melaka, Jalan Merdeka , 75000 Melaka
Tel : 06-281 3333

Negeri Sembilan

Columbia Asia Medical Centre,

S'ban 292, Jalan Haruan 2, Oakland Commercial Centre,
70300 Seremban, Negeri Sembilan
Tel : 06-601 1988
Fax : 06-601 1848

N.S Chinese Maternity Medical Centre

Jalan Tun Dr Ismail, 70200 Seremban , Negeri Sembilan.
Tel : 06-762 2104
Fax : 06-763 0407

Nilai Cancer Institute PT 13747,

Jalan BBN 2/1 , 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-850 0999
Fax : 06-850 0733

Seremban Specialist Hospital

Lot PT 6219 & PT 6220, Jln Tioman 1, Kemayan Square,
70200 Seremban, N Sembilan
Tel : 06-7677800
Fax : 06-7675900

Perak

Pantai Putri, Ipoh

126, Jalan Tambun,
31400 Ipoh, Perak
Tel : 05-5484333
Fax : 05-5458168

Apollo Medical Centre

271, Jalan Taming Sari,
34000 Taiping, Perak
Tel : 05-8056000
Fax : 05-8076000

Fatimah Hospital

1, Leboh Chew Peng Loon, Ipoh Gardens,
31400 Ipoh, Perak
Tel : 05-5455777
Fax : 05-5499237

Ipoh Specialist Hospital

26, Jalan Raja Dihilir,
30350 Ipoh, Perak
Tel : 05-241 8777
Fax : 05-254 1888

Penang

Bagan Specialist Centre

Jalan Bagan 1, 13400 Butterworth
Tel : 04-3322800
Fax : 04-3312806

Pantai Mutiara Hospital

82, Jalan Tengah, Bayan Baru,
11900 Bayan Lepas, Penang.
Tel : 04-643 3888

Gleneagles Medical Centre

1, Jalan Pangkor, 10050 Pulau Pinang
Tel : 04-2276111
Fax : 04-2262994

Penang Adventist Hospital

465, Jalan Burmah, 10350 Pulau Pinang
Tel : 04-2227200
Fax : 04-2278512

Lam Wah Ee Hospital

141, Jalan Tan Sri The Ewe Lim,
16000 Pulau Pinang
Tel : 04-6571888 Fax : 04-6570940

Tanjung Medical Centre

473, Jalan Burmah,
10350 Pulau Pinang
Tel : 04-2262323
Fax: 04-2299008

Hope Children Hospital (Sg Ara)

66 & 68, Jalan Dato Ismail Hashim, Sg Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel : 04-644 7557 / 04-644 1557

Fax : 04-646 1559

Hope Children Hospital (FARLIM)

26,26A,28 & 28A, Lintang Paya Terubong 3,
11060 Pulau Pinang
Tel : 04-829 7926/ 04-826 6557
Fax : 04-829 7982

Loh Guan Lye Specialist Centre

19, Logan Road, 10400 Pulau Pinang
Tel : 04-2388888
Fax : 04-2388983

Island Hospital 308 Macalister Road,

10450 Penang, Malaysia
Tel : 04-228 8222
Fax : 04- 226 7989

Kedah

Metro Specialist Hospital

No 1, Lorong Metro,
08000 Sungai Petani, Kedah
Tel : 04-4238888
Fax : 04-4258888

Putra Medical Centre

888, Jalan Sekerat, Off Jalan Putra,
05100 Alor Star, Kedah
Tel : 04-7342888
Fax : 04-7348882

Kedah Medical Center Pumpong,

05250 Alor Setar, Kedah
Tel : 04-7308878
Fax : 04-7332869

Strand Hospital

1, Persiaran Cempaka, Bandar Aman Jaya,
08000 Sungai Petani, Kedah
Tel : 04-4428888
Fax : 04-4428889

Kelantan

Universiti Sains Malaysia USM,

Kampus Kesihatan,
16150 Kubang Kerian,
Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-766 3137

Perdana Specialist Hospital

Lot PT37 & PT600, S
eksyen 14, Jalan Bayam.
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-745 8000

Fax : 09-747 2877

Kota Bharu Medical Centre

P.T 179-184, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang,
15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-743 3399
Fax : 09-747 8271

Terengganu

Kuala Terengganu Specialist Hospital

No. 443B, Jalan Kamarudin, 20400
Kuala Terengganu, Terengganu
Tel : 09-624 5353 09
Fax : 09-626 5211

Pahang

Kuantan Medical Centre 1,

Jalan Tun Ismail 9,
25000 Kuantan , Pahang
Tel : 09-514 2828
Fax 09-516 3753

Kuantan Specialist Hospital

51 Jalan Alor Akar,
25250 Kuantan, Pahang
Tel : 09-567 8588 09-567 8098

Sabah

Sabah Medical Centre

Lorong Bersatu,
Off Jalan Damai Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah
Tel 088-222922
Fax : 088-243540

Rafflesia Medical Centre

Lot 5, 6, 7, 8, Millennium Commercial Centre,
Off Jalan Lintas, Kepayan,
88200 Penampang,
Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-272630
Fax : 088-272640

Damai Specialist Centre

DSC Building, Lorong Pokok Tepus 1,
Off Jalan Damai,
88300 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-222922
Fax : 088-243540

Sarawak

Normah Specialist Medical Centre

Lot 937, Sek 30, KTLA, Jalan Tun Abdul Rahman,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak
Tel : 082-440055
Fax : 082-442600

Rejang Medical Centre

29, Jalan Pedada,
96008 Sibul, Sarawak 084-330733 084-327342
Sibu Specialist Medical Centre 52A-F, Brooke Drive,
96000 Sibul, Sarawak
Tel : 084-218800
Fax : 084-219900

Timberland Medical Centre

Lot 5164-5165, Blk 16, KCLD,
Taman Timberland, Rock Road,
93250 Kuching, Sarawak
Tel : 082-234466
Fax : 082-244273

Columbia Medical Centre, Miri

Lot 1035-1039, Jalan Bulan Sabit,
CDT 155, 98009 Miri , Sarawak.
Tel : 085-437755
Fax : 085-425677

Kuching Specialist Hospital

Lot 10420 Block 11,
Tabuan Stutong Commercial Center,
Jalan Setia Raja,
93350 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-365777
Fax : 082-364666

Proses Kemasukan Ke Hospital Panel

Pemegang Kad Perubatan PruBSN boleh menikmati kemudahan kemasukan terus ke **Hospital-hospital Pakar** yang menjadi panel di seluruh Malaysia. Bagi memahami proses ke masukan ke Hospital Panel dengan hanya menggunakan **Kad Perubatan**, sila rujuk ilustrasi berikut :



Senarai Penyakit Kritikal

Penyakit Kritikal bermaksud mana-mana **36 penyakit** seperti yang telah di tetapkan dan memenuhi tahap/kriteria seperi mana yang di terangkan di dalam polisi. Senarai penyakit kritikal adalah :

1. **Serangan Jantung**
2. **Penyakit Koronari Arteri yang memerlukan pembedahan**
3. **Strok**
4. **Kanser**
5. **Kegagalan Ginjal (Buah Pinggang)**
6. **Penyakit Lumpuh**
7. **Pemindahan Organ Utama**
8. **Sklerosis Pelbagai/Berbilang**
9. **Hepatiti Virus Fulminan**
10. **Hipertensi Arteri Pulmonari Utama**
11. **Koma**
12. **Buta**
13. **Penggantian Injap Jantung**
14. **Pembedahan Aorta**
15. **Penyakit Alzheimer**
16. **Hilang Pendengaran / Pekak**
17. **Hilang Kebolehan Bertutur**
18. **Kebakaran Parah**
19. **Penyakit Membawa Maut**
20. **AIDS Akibat Transfusi Darah**
21. **Penyakit Motor Neuron**
22. **Penyakit Parkinson**
23. **Penyakit Hati Yang Kronik**
24. **Penyakit Paru-Paru Kronik**
25. **Anemia Aplastik**
26. **Distrofi Otot**
27. **Poliomielitis**
28. **Meningitis Bakteria**
29. **Tumor Otak Benigna**
30. **Ensefalitis**
31. **Full Blown AIDS**
32. **Lain-Lain Penyakit Koronari Arteri Yang Serious**
33. **Pembedahan Otak**
34. **Sindrom Apalik**
35. **Trauma Kepala Utama**
36. **Kehilangan Tangan Atau Kaki**

Untuk penerangan lebih lanjut tentang definasi tahap kritikal bagi setiap penyakit, anda boleh merujuk dokumen polisi atau menghubungi saya

Penyakit Spesifik


Kad Perubatan PruBSN tidak melindungi peserta daripada penyakit spesifik yang berlaku di dalam 120 hari pertama daripada tarikh sijil Takaful.

Penyakit-penyakit spesifik adalah bermaksud **penyakit -penyakit berikut** dan **keadaan-keadaan berkaitan** dan **komplikasi-komplikasi** yang berlaku di dalam **seratus dua puluh (120) hari** pertama perlindungan Takaful tidak kira samada Orang yang dilindungi sedar atau tidak :

1. Batu Karang di dalam sistem urinari dan biliari.
2. Darah tinggi atau penyakit-penyakit kardiovaskular (kecuali serangan jantung).
3. Diabetes mellitus.
4. Kesemua tumor, sista, polip, atau kanser.
5. Surgeri sinus, septum nasal atau tonsil.
6. Hernia, haemorhoid atau fistula.
7. Endometriosis atau Disfungsi Pendarahan Uterina

Tempoh Menunggu

Jika anda baru sahaja menerima sijil Takafulink beserta Kad Perubatan, anda telah di lindungi daripada kos rawatan hospital akibat kemalangan. Namun bagi penyakit-penyakit biasa dan beberapa penyakit tertentu, anda perlu menunggu untuk beberapa tempoh masa tertentu sebelum mendapat perlindungan sepenuhnya. Sila rujuk rajah berikut:



Penerangan

- 1) Tarikh Kuatkuasa - Melindungi peserta daripada kos rawatan hospital akibat kemalangan sahaja.
- 2) Selepas 1 bulan - Mula melindungi peserta daripada kos rawatan hospital akibat penyakit-penyakit biasa kecuali **penyakit-penyakit spesifik**. Kos rawatan perlu di **bayar dahulu** dan **tuntutan secara manual** perlu di buat.
- 3) Selepas 3 bulan - Kad boleh di gunakan di **Hospital Panel** bagi kemasukan ke wad **Tanpa Deposit** dan **Tanpa perlu membuat tuntutan**
- 4) Selepas 4 Bulan - Mula melindungi peserta daripada kos rawatan hospital akibat **penyakit-penyakit spesifik**.

Secara ringkas, Kad ini tidak memberi perlindungan penuh secara serta-merta. Oleh itu, jika anda fikir kad ini dapat membantu di masa-masa kecemasan, jangan bertanggung lagi untuk mendapatkannya kerana kita tidak tahu bila sebenarnya ia akan di perlukan.

Soalan Lazim (FAQ)

1) Adakah produk Takafulink mematuhi Syariah?

Ya, produk Takafulink adalah mematuhi undang-undang syariah yang telah di tetapkan dan di luluskan oleh Bank Negara Malaysia. PruBSN juga mempunyai Majlis Pengawasan Syariah sendiri bagi memastikan perjalanan syarikat dan produk-produk yang di keluarkan mematuhi syariah.

2) Berapakah sumbangan minima bagi akaun Takafulink?

Sumbangan minima bagi akaun dewasa adalah RM100 sebulan manakala untuk akaun pendidikan (Takafulink Cerdik) boleh bermula dengan serendah RM50 sebulan. Namun begitu, Sumbangan bagi setiap individu adalah berbeza mengikut faktor-faktor berikut :

- Jumlah manfaat yang di ambil
- Umur
- Jantina
- Pekerjaan
- Merokok / Tidak Merokok

Selain itu anda juga di nasihatkan supaya membuat sumbangan mengikut keperluan dan kemampuan.

3) Bagaimanakah Cara Pembayaran Sumbangan Takafulink?

Pembayaran sumbangan Takaful boleh di lakukan melalui kaedah berikut :

1. Kad Kredit
2. Potongan terus dari akaun bank (Autodebit/Direct debit). Buat masa ini, autodebit boleh di lakukan melalui akaun :
 - Maybank
 - CIMB Bank
 - RHB Bank
 - Bank Simpanan Nasional
3. Potongan Gaji melalui Biro Ankasa (Kakitangan Kerajaan)
4. Melalui internet – **Maybank2u**
5. Pembayaran terus di kaunter-kaunter cawangan Bank Simpanan Nasional
6. Pembayaran di kaunter Prudential BSN Takaful secara tunai atau menggunakan cek

4) Bilakah Peserta boleh mengeluarkan Nilai Tunai dari akaun?

Nilai tunai boleh di keluarkan pada bila-bila masa untuk apa sahaja tujuan apabila jumlah nilai tunai melebihi RM4,000. Contohnya, apabila nilai tunai pada suatu masa berjumlah RM10,000 , peserta boleh mengeluarkan tunai sebanyak maksima RM6,000.

5) Apakah kegunaan Kad Perubatan Takaful?

Kad perubatan takaful boleh di gunakan bagi membiayai kos rawatan hospital yang besar tanpa perlu membuat tuntutan (*Cashless*).

6) Adakah Kad Perubatan boleh di gunakan di mana-mana Hospital?

Kad Perubatan PruBSN Takaful hanya boleh di gunakan di **Hospital-hospital yang menjadi panel**. Untuk hospital yang bukan panel atau hospital kerajaan, peserta perlu menyelesaikan bil terlebih dahulu dan membuat kemudian tuntutan secara manual (di uruskan oleh ejen)